



## NADMA MALAYSIA

### GARIS PANDUAN/GUIDELINES

#### **PROSES KEMASUKAN & KUARANTIN *PERSON UNDER SURVEILLANCE* (PUS) DARI LUAR NEGARA BERMULA 24 JULAI 2020 (Pindaan: 18 November 2021)**

#### ***ENTRY & QUARANTINE PROCESS FOR PERSON UNDER SURVEILLANCE (PUS) ARRIVING FROM ABROAD BEGINNING 24 JULY 2020 (Amendment: 18 November 2021)***

##### **1. *Home Surveillance Order* (HSO)**

Bermula 8 Ogos 2021, pengembara warganegara dan bukan warganegara yang tiba dari luar negara boleh dipertimbangkan permohonan untuk menjalani kuarantin wajib di rumah atau tempat kediaman. Penilaian risiko akan dibuat bagi setiap permohonan yang diterima. Penilaian risiko ini mengambilkira penilaian status vaksin, risiko kebolehhajangan COVID-19 serta kesesuaian rumah atau tempat kediaman sebagai tempat kuarantin.

##### ***Home Surveillance Order* (HSO)**

*Beginning 8 August 2021, Malaysian and Foreigners eligible to enter Malaysia with residence in Malaysia may be considered to serve mandatory quarantine at home/residence. Risk assessment will be based on vaccination status, COVID-19 transmission risk and home/residence suitability as quarantine premises.*

Permohonan HSO perlu dibuat minima 7 hari sebelum berlepas melalui portal <https://ecovid19.moh.gov.my/outbreak-portal-hqa/index> untuk kelulusan Kementerian Kesihatan Malaysia. *Person Under Surveillance* (PUS) yang dibenarkan untuk menjalani HSO dibenarkan untuk transit ke mana-mana destinasi dalam negara.

*Fully vaccinated individuals who wish to apply for HSO can submit their applications 7 days before departure at <https://ecovid19.moh.gov.my/outbreak-portal-hqa/index> portal. PUS with approved HSO is allowed to transit to any domestic destination.*

##### **2. Tempoh Perintah Pengawasan dan Pemerhatian**

Pengurangan Tempoh Perintah Pengawasan dan Pemerhatian bagi pengembara dari luar negara berkuatkuasa pada Isnin, 18 Oktober 2021.

- i. Tempoh kuarantin 7 hari bagi pengembara dengan vaksinasi lengkap.
- ii. Tempoh kuarantin 10 hari bagi pengembara tiada/tidak lengkap vaksin.

### ***Duration of Surveillance and Observation Order***

*Beginning 18 October 2021 (Monday), the duration of Surveillance and Observation Order for travelers from abroad has been reduced to:*

- i. 7 days quarantine for vaccinated travelers.*
- ii. 10 days quarantine for incomplete / unvaccinated travelers.*

### **3. Tempahan Pakej Kuarantin**

Bermula 18 November 2021, perkhidmatan fasiliti kuarantin dikendalikan sepenuhnya oleh pihak swasta (hotel). Individu yang ingin memasuki Malaysia perlu membuat tempahan dan bayaran terus dengan pihak hotel sebelum berlepas ke Malaysia. Semakan tempahan akan dibuat di kaunter, atau sebelum keluar dari kaunter Jabatan Imigresen di PMA. Senarai hotel yang terlibat adalah seperti di Lampiran.

#### ***Quarantine Package Booking***

*Beginning 18 November 2021, quarantine facility services are operated entirely by private entities (hotels). Individuals who wish to enter Malaysia must make a reservation and payment directly with the respective hotel before leaving for Malaysia. Booking verifications will be made by the authority at the counter, or before leaving the Immigration Department counter at PMA. The list of participating hotels is as in the Appendix.*

Kadar caj kuarantin adalah tertakluk kepada caj yang dikenakan oleh pihak hotel. Caj ini merangkumi kenderaan dari PMA ke hotel, bilik penginapan, makan/minum, pemantauan kesihatan, dan saringan COVID-19 ulangan sebelum tamat kuarantin. Senarai hotel ini boleh di dapati di laman web Kementerian Luar Negeri, Kementerian Pelancongan, Agensi Pengurusan Bencana Negara, Jabatan Imigresen Malaysia dan Kementerian Kesihatan Malaysia.

*The quarantine charge rate is subject to the charges imposed by the hotel. This charge covers the airport transfer from PMA to the hotel, lodging room, food/drink, health assessment and monitoring, and repeat COVID-19 screening before the end of quarantine. The list of participating hotels is available on the website of the Ministry of Foreign Affairs, Ministry of Tourism, National Disaster Management Agency, Immigration Department and Ministry of Health, Malaysia.*

### **4. Pengangkutan**

Selain perkhidmatan sebagai Stesen Kuarantin, pihak hotel juga akan menyediakan perkhidmatan pengangkutan dari Pintu Masuk Antarabangsa (PMA) ke hotel berkenaan.

#### ***Airport Transfer***

*In addition to the service as a Quarantine Station, the hotel will also provide transportation services from the International Entry Point (PMA) to the hotel.*

### **5. Ujian Saringan COVID-19**

Setiap individu yang ingin memasuki Malaysia perlu menjalani saringan RT-PCR COVID-19 dengan keputusan negatif dalam masa 72 jam sebelum berlepas (pra penerbangan).

#### ***COVID-19 Screening Test***

*All incoming travelers must take the COVID-19 RT-PCR with negative result within 72 hours, prior to departure (pre-departure test).*

Ujian saringan RT-PCR COVID-19 seterusnya akan dijalankan sebaik tiba di PMA dan saringan ke-dua akan dijalankan pada hari ke-5 bagi pengembara dengan vaksinasi lengkap dan ke-8 bagi pengembara tiada/tidak lengkap vaksin.

*RT-PCR COVID-19 screening test will be conducted upon arrival at PMA. The second screening will be conducted on the fifth day for travelers with complete vaccination, and the eighth day for travelers without/incomplete vaccination.*

Bayaran bagi kos ujian saringan COVID-19 ketika ketibaan boleh dibuat di PMA atau melalui portal MYEG. Warganegara Malaysia adalah dikecualikan dari bayaran ujian saringan ini.

*Payment for the COVID-19 screening test fee (upon arrival) can be made at the PMA or via MYEG Portal. Malaysians are exempted from any COVID-19 screening test fees.*

## **6. Domestic Transfer**

Semua individu dari luar negara dibenarkan untuk transit ke mana-mana destinasi dalam negara termasuk WP Labuan, Sabah, Sarawak, Langkawi dan Pulau Pinang. Perjalanan seterusnya adalah tertakluk kepada arahan kerajaan negeri yang dituju. Pengembara bertanggungjawab untuk menyemak keputusan semasa oleh negeri berkenaan.

### **Domestic Transfer**

*All individuals from abroad are allowed to transit to any destination in the country including WP Labuan, Sabah, Sarawak, Langkawi, and Penang. Subsequent trips are subject to the directive of the state government. Travelers are responsible for reviewing current orders imposed by the state concerned.*

## **7. Pintu Masuk Johor**

Bermula 28 Ogos 2021, PUS yang telah menerima imunisasi lengkap yang tiba dari luar negara melalui Pintu Masuk Antarabangsa (PMA) Johor dan ingin memohon bagi HSO perlu menghantar permohonan sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum ketibaan di Malaysia. Permohonan juga boleh dibuat terus kepada Jabatan Kesihatan Negeri Johor melalui portal <https://ecovid19.moh.gov.my/outbreak-portal-hqa/index->

### **Johor Entry Point**

*Beginning 28 August 2021, PUS who have received a complete immunization arriving from abroad through PMA-Johor and wish to apply for HSO must apply at least seven (7) days before arrival. Applications can be made directly to the Johor State Health Department or via <https://ecovid19.moh.gov.my/outbreak-portal-hqa/index>.*

**NADMA**

**Jabatan Perdana Menteri**

**Kemaskini: 18 November 2021**

**Senarai Stesen Kuarantin (Hotel) bermula 18 November 2021**  
*List of Quarantine Stations (Hotels) starting 18 November 2021*

**WP Kuala Lumpur**

1. Grand Millennium Kuala Lumpur  
+6 03 2117 4888
2. Hotel Royal  
+6 03 2688 9688
3. Impiana KLCC Hotel  
+6 03 2147 1111
4. Swiss Garden  
+6 03 2141 3333
5. IBIS KLCC  
+6 03 2778 3333
6. Furama Bukit Bintang  
+6 03 2788 8888
7. Mercure  
+6 03 9224 3190
8. Holiday Inn Express  
+6 03 2028 8888
9. IBIS Style  
+6 03 9232 8688
10. Crystal Crown KL  
+6 03 6269 4422
11. Ancasa  
+6 03 20266060
12. Cosmo  
+6 03 20301888
13. KIP Kepong  
+6 03 6256 0888

**Selangor**

1. Sama-Sama Hotel  
+6 03-8787 3333
2. Dorsett Grand Subang  
+6 03-5031 6060
3. Crystal Crown Petaling Jaya  
+6 03-7958 4422
4. Sunway Clio Hotel  
+6 03-7492 80000
5. Hilton Garden Inn Puchong  
+6 03-8084 1299
6. Oriental Crystal Hotel  
+6 019 307 9992
7. Summit Hotel USJ  
+6 03-8023 3000
8. Pegasus Hotel (IDCC Shah Alam)  
+6 03-5036 8888



MENTERI KANAN PERTAHANAN  
MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

Kanak-kanak berumur di bawah 18 tahun yang belum/tidak lengkap vaksin masih tidak dibenarkan memasuki stadium termasuklah semua fasiliti sukan. Pada masa ini, aktiviti makan dan minum di dalam stadium adalah tidak dibenarkan.

### **D. Peralihan Pengurusan Stesen Kuarantin Hotel Kepada Stesen Kuarantin Swasta**

- i. Pengurusan stesen kuarantin ini adalah berdasarkan Garis Panduan Pembukaan, Pengoperasian dan Pemantauan Stesen Kuarantin Swasta yang telah disediakan oleh pihak NADMA.
- ii. Kutipan kos operasi COVID-19 berjumlah RM2,600 per pengembara bukan warganegara dimansuhkan manakala caj bagi stesen kuarantin masih berkuatkuasa dan caj yang dikenakan stesen kuarantin swasta adalah pada kadar yang sama (pakej standard) seperti sebelum ini yang berkuatkuasa pada 15 November 2021.
- iii. Kos kuarantin bagi tujuh (7) kumpulan warganegara Malaysia yang dikecualikan bayaran caj kuarantin ditanggung oleh Kerajaan.
- iv. Ujian ulangan saringan pengesanan COVID19 diselaraskan oleh KKM menerusi Jabatan Kesihatan Negeri / Daerah yang berkaitan.
- v. Pelaksanaan stesen kuarantin swasta ini bermula 7 hari selepas diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Khas Pengurusan Pandemik COVID-19 pada 5 November 2021.

Kerajaan menyeru agar semua kelonggaran-kelonggaran yang diberikan ini dimanfaatkan sepenuhnya oleh rakyat dengan penuh disiplin dan rasa tanggungjawab. Pakai pelitup muka, amalkan penjarakan fizikal serta sentiasa menjaga kebersihan diri.

Paling penting, dalam membantu usaha Kerajaan *#ReopeningSafely*, semua pihak amat digalakkan untuk mengamalkan TRIIS dengan sebaik mungkin iaitu 'Test', 'Report', 'Isolate', 'Inform', 'Seek' demi keselamatan diri, ahli keluarga dan orang sekeliling.

**YB DATO' SERI HISHAMUDDIN TUN HUSSEIN**  
**MENTERI KANAN PERTAHANAN**  
**5 NOVEMBER 2021**